

Keluaran Khas Sempena MAHA International 2012

Astro Malaysia

I BIL: 8 Jan-Mac 2013
I PP: 16568/06/2012
I HARGA: RM10.00



PERTANIAN
ADALAH PERNIAGAAN



> Sayur Organik Cameron Highlands Makin Popular



> Ternak Kelah Dalam Gua Batu Kapur

> Bekas Juruterbang Buka Ladang Burung Unta



Khasiat
Cendawan
Susu Harimau



Tumbuhan ini
hidup dalam
jarak lima
kilometer setiap
satu

Cendawan SUSU Harimau Pilihan Orang Asli

- Cendawan susu harimau mempunyai pelbagai khasiat yang menakjubkan. Sejak sekian lamanya, iaanya digunakan sebagai herba tradisional untuk mengubati pelbagai masalah berkait kesihatan





A khazanah negara yang kaya dengan pelbagai khasiat, sayangnya hampir pupus. Di kalangan masyarakat Melayu dan Orang Asli, tumbuhan ini dipanggil cendawan susu rimau kononnya disebabkan ia tumbuh pada bekas tisian susu harimau ketika ibu harimau menyusukan anaknya.

Umbinya (sclerotium) yang berwarna putih akan terbentuk dan kekal dorman di dalam tanah untuk suatu jangka masa yang agak lama, ia boleh mengambil masa berbulan-bulan atau bertahun-tahun lamanya untuk tumbuh. Apabila masanya sesuai, cendawan ini akan bercambah dan tumbuh membentuk payung cendawan yang mekar.





CNI

MAU, HARI... MAU!
PRODUK PERINTIS NO. 1 DUNIA

DATO' LEE CHONG WEI
Juguh No. 1 Dunia Badminton
Penseurangan Letak

www.cni.my/susuharimau

822360

Tumbuh di hutan Khatulistiwa Asia Tenggara, ia hanya boleh didapati di kawasan hutan Thailand, Malaysia, Indonesia, Filipina, Papua New Guinea tetapi sukar ditemui kerana cendawan ini yang mempunyai nama saintifik hanya boleh didapati dalam jarak lima kilometer setiap satu. Justeru itu, cendawan ini sangat berharga.

Spesimen ini telah ditemui di Pulau Pinang pada 1897 manakala catatan sejarah tertua berkaitannya adalah pada 1664 ketika penduduk di Asia Tenggara menjadikan ia sebagai hadiah dan satu penghormatan kepada ejen kerajaan di Eropah.

Pada 1890, bapa getah Malaysia, Henry N. Ridley pernah membuat kajian mengenai cendawan ini dan cuba menanamnya tetapi gagal.

Pada 1925, Taman Botani Singapura me-labelkan ia sebagai tumbuhan berpotensi eko-




TUN DR MAHATHIR
MOHAMAD



KELVIN KOH



DR. TAN CHOON SENG



Pak Yusof dari Taiping,
Perak merupakan
penjual TMM selama
lebih 20 tahun.

nomi di Tanah Melayu.

Pada 1950-an hingga 1960-an, penduduk tempatan menggunakan herba ini sebagai ubat batuk, muntah dan demam. Kebanyakan keluarga zaman dulu mengenali cendawan ini serta khasiatnya. Bagaimanapun, selepas 1960-an, ia jarang digunakan setelah aspirin dan paracetemol dibawa masuk ke Malaysia dan masyarakat lebih gemar menggunakan perubatan Barat.

Ketika memberi ucapan di Persidangan BioMalaysia 2002, Tun Dr Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia, menyatakan beliau menggunakan cendawan susu rimau untuk mengubati batuk kroniknya.

Bahagian cendawan susu rimau yang digunakan adalah umbinya (*Sclerotium*). Apabila ubi dibelah, kelihatan isi putih yang banyak khasiat dan jika isi ini dikisar pada permukaan kasar, misalnya belakang pinggan atau tembikar, dan ditambah sedikit air lalu diminum, ia mempunyai rasa seakan-akan susu.

Dikalangan orang Melayu, cendawan ini digunakan sebagai tonik merawat kanser; masyarakat Cina pula menggunakan untuk mengubati asma, demam dan menguatkan badan, sementara Orang Asli memanfaatkannya untuk mengubati batuk dan sakit sendi. Di Hong Kong, ia digunakan untuk masalah organ hati. Ramai menggunakan sebagai ubat sari bagi mengubati luka.

Kajian bersama antara Pegawai Penyelidik Prinsipal dari Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Tan Choon Seng, dan Ligno Biotech Sdn. Bhd. selama 10 tahun untuk menemui kaedah menyemai tumbuhan liar berharga ini akhirnya berjaya.

Di dalam bilik terkawal dengan suhu bersesuaian, ia disemai di bawah kawalan yang ketat bagi mengelakkan serangan penyakit. Kelebihan kaedah pena-

naman seperti ini adalah keupayaannya menyediakan bekalan yang konsisten dan mutu khasiat yang terkawal secara komersial.

"Sebelum ini, sukar untuk mendapatkan 100kg bekalan dalam setahun, tetapi dengan kejayaan penemuan ini, kami berupaya menghasilkan 100kg hingga





6 Biasanya selepas ubi dibelah, ke-lihatan tisu putih yang mempunyai banyak khasiat dan jika dikisar pada permukaan kasar, misalnya belakang pinggan atau barang tembikar dan ditambah sedikit air, ia akan berasa seperti susu.

200kg cendawan dalam tempoh sebulan. Setiap hari cendawan itu disemai, menjadikan ia mampu dituai setiap bulan," katanya ketika dihubungi Agro Malaysia.

Beliau selaku penasihat Ligno Biotech Sdn. Bhd. berkata cendawan itu hanya boleh dituai selepas enam bulan disemai. Selepas dituai, umbinya diproses menjadi serbuk.

Menurut Dr. Tan, cendawan susu rimau mempunyai pelbagai khasiat yang menakjubkan. Sejak sekian lama, ia juga digunakan sebagai herba tradisional untuk mengubati pelbagai masalah kesihatan dan penyakit bersifat kronik.

Disebabkan kejayaan kaedah penyejaman tersebut, produk cendawan susu rimau berjaya didaftarkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada April 2011. Ia turut menjalani ujian toksik di Taiwan dan Universiti Malaya dan terbukti selamat dimakan.

Pembangunan produk ini merangkumi White Coffee Cendawan Susu Harimau yang dihasilkan bersama CNI Enterprise dan dipasarkan baru-baru ini. Pembangunan lebih banyak produk berdasarkan cendawan susu rimau sedang dijalankan.

